

Priority Primary Care Centres (Pusat Keutamaan Penjagaan Primer)

Adakah anda perlu berjumpa doktor dengan segera?



Priority Primary Care Centre (PPCC - Pusat Keutamaan Penjagaan Primer) memberi rawatan percuma untuk sesiapa yang perlukan rawatan segera kerana cedera atau jatuh sakit.

Bagi rawatan yang diperlukan, doktor PPCC membantu anda mendapatkannya lebih cepat daripada unit kecemasan hospital.



Mereka dapat merawat masalah seperti jangkitan ringan, lecur ringan, terseliuh atau tulang yang disyaki patah. Perkhidmatan PPCC termasuk patologi, radiologi dan farmasi.

Jika anda mengalami kecederaan atau sakit teruk, hubungi Triple Zero (000). Jika tidak memerlukan rawatan segera, buatlah temu janji dengan doktor anda yang biasa.



Perkhidmatan PPCC disediakan percuma untuk semua orang, dengan kad Medicare atau tidak.



PPCC dapat menyediakan jurubahasa. Hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa TIS National, 131 450.



Better Health Channel memberi senarai lokasi PPCC dan penerangan lanjut: betterhealth.vic.gov.au/priority-primary-care-centres